

MAKLUMAT RINGKAS KAWASAN HUTAN PEMELIHARAAN NILAI TINGGI (HCVF) HUTAN SIMPAN SUNGAI MENYALA

PENGENALAN

Hutan Simpan Sungai Menyala merupakan salah satu Hutan Dipterokap Pamah (HDP) yang berhampiran dengan pinggir laut yang masih kekal di Malaysia. Tapak kajian ini telah dikajiselidik sejak tahun 1947. Kawasan ini ditubuhkan pada tahun 2007.

Hutan Simpan Sungai Menyala adalah Hutan Simpan yang dikenalpasti adalah kawasan Hutan Pemeliharaan Nilai Tinggi (HCVF) di negeri ini. Kawasan keseluruhan Hutan Simpan Sungai Menyala adalah seluas 1,280.27 hektar.

Kaedah pengurusan di peringkat jabatan:

1. Pencerobohan kawasan HCVF hendaklah dicegah bagi memastikan keselamatan dan keutuhan kawasan dengan mengambil kira langkah – kangkah seperti berikut:
 - a. Pengenalpastian ancaman dan langkah mengatasinya;
 - b. Rondaan dan pemantauan; dan
 - c. Pemeriksaan sepanjang sempadan.